

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENYERAHAN CEK SUMBANGAN TABUNG TUDM SERTA SURAT UCAPAN TAKZIAH PANGLIMA TENTERA UDARA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4555-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penyERAHAN-cek-sumbangan-tabung-tudm-serta-surat-ucapan-takziah-panglima-tentera-udara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4555-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penyERAHAN-cek-sumbangan-tabung-tudm-serta-surat-ucapan-takziah-panglima-tentera-udara)

INSMAT, 21 Feb 19 - Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada Lt Mohd Hairul Hakim bin Akhirruddin TUDM yang telah dinaikkan ke pangkat Kapt TUDM berkuatkuasa 16 Jan 19 dan akan bertukar keluar ke Skn 208 Provos menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian Operasi. Majlis tersebut telah dilaksanakan di Dewan Auditorium INSMAT.

Pegawai Memerintah INSMAT turut menyampaikan surat ucapan takziah oleh Panglima Tentera Udara serta penyerahan cek sumbangan Tabung Kebajikan TUDM kepada F/Sjn Zolkofli bin Jaidi di atas kematian ayah beliau akibat barah buah pinggang tahap 5.

Di dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau mengingatkan bahawa pangkat dan jawatan yang diberi hendaklah digalas dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi. Beliau juga menyeru agar semua peringkat pegawai dan anggota sentiasa mengekalkan imej TUDM dan sentiasa komited dalam meningkatkan prestasi kerja bagi menjadi warga TUDM yang berkualiti dan berketrampilan supaya dapat merealisasikan hasrat pucuk pimpinan TUDM. Beliau juga turut menyampaikan salam takziah buat F/Sjn Zolkofli serta keluarga dan diberi ketabahan dalam mengharungi ujian yang malanda.

